

01/07/2000

Membentuk negara Islam lebih bersepadu

Wan Sabariah Shikh Ali

DRAF akhir resolusi Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) Ke-27 di Kuala Lumpur yang berakhir petang semalam mengandungi 39 halaman. Ia suatu dokumen yang serius dan meletihkan untuk dibaca tetapi lebih serius ialah lebih separuh daripada kandungannya mengenai permasalahan dan konflik yang dialami umat Islam, sama ada di negara Islam sendiri atau minoriti di negara bukan Islam.

Ia bukan perkara baru kerana sejarah umat Islam moden sentiasa dilatari konflik dan pergeseran. Hakikat ini disorot oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucaptamanya pada upacara pembukaan ICFM, Selasa lalu.

Malah, umat Islam tidak pernah belajar daripada sejarah yang panjang ini, kata Dr Mahathir. Tetapi selain membincangkan mengenai sejarah ummah yang mengheret konflik begitu lama, daripada masalah Palestin hinggalah perebutan kuasa yang tidak sudah-sudah di negara Afrika, ucapnama beliau menetapkan tempoh persidangan ICFM kali ini yang bertemakan 'Islam dan Globalisasi'.

Beliau mengingatkan bahawa di tengah-tengah kemelut politik yang belum selesai, umat Islam juga tidak boleh melupakan bahawa mahu atau tidak, globalisasi sudah berada di depan mata. Di satu pihak, ekonomi konvensional berhadapan dengan kemasukan bank besar antarabangsa yang bergabung membentuk gergasi kewangan. Di satu pihak lagi, kemajuan teknologi telekomunikasi dan maklumat menerusi Internet membolehkan hubungan langsung pengguna kepada pembekal yang mungkin menghapuskan fungsi pengimport, pengedar dan peruncit, serta cukai kerajaan.

Pengalaman Malaysia berhadapan dengan konsep dunia tanpa sempadan bukanlah suatu peristiwa yang ingin diulangi. Kejatuhan nilai ringgit akibat serangan pedagang, kata Dr Mahathir, menyebabkan negara jatuh miskin dan menghadapi kemungkinan terpaksa mengorbankan kebebasan.

Persoalannya, adakah dunia Islam bersedia untuk berhadapan dengan globalisasi atau mempunyai kekuatan untuk menghalang kemaraannya? Berdasarkan pengalaman masa lampau, Dr Mahathir berpandangan jawapannya adalah jelas, iaitu tidak. Umat Islam tertinggal di belakang ketika kemaraan era perindustrian dan lebih jauh lagi untuk mengejar era teknologi.

Beliau seterusnya menyerahkan kepada persidangan itu untuk mengenal pasti bahaya dan cabaran globalisasi, dan setelah itu, mengambil langkah pertama ke arah mengurangkan jurang antara negara Islam dan menumpukan perhatian kepada penguasaan ilmu untuk memerangi penggunaan teknologi maklumat yang boleh menjejaskan nilai, kepercayaan dan saki-baki ketamadunan Islam.

Selepas upacara pembukaan itu, seorang wartawan penerbitan Internet, Islam Online yang berpusat di Qatar memberitahu, rakannya dari Middle East Broadcasting Corporation (MBC) yang sama-sama membuat liputan ICFM sibuk menyalin terjemahan ucapan berkenaan.

Wartawan Islam Online itu yang beroperasi dari Kuala Lumpur dan Jakarta sudah biasa mendengar ucapan Perdana Menteri dan tidak lagi terkejut dengan keberanian dan pendapat bebas Dr Mahathir. Tetapi dua rakannya kagum dengan ucapan terbuka dan lantang Perdana Menteri mengutuk amalan globalisasi yang tidak adil.

"Mereka sudah biasa dengan pemimpin Arab yang terpaksa menapis kata-kata kerana tidak mahu menimbulkan kemarahan negara Barat yang menjadi tempat

bergantung ekonomi mereka," katanya.

Apa yang diperkatakan oleh rakan wartawan berkenaan menyimpulkan penyakit yang melanda dunia Islam, iaitu lebih ampuh untuk tunduk kepada kuasa Barat dan tidak mahu bersatu sesama negara Islam untuk membentuk kekuatan sendiri, terutama dalam bidang ekonomi.

Seperti diperkatakan oleh Menteri Luar Gambia, Dr Momodou Lamin Sedat Jobe, yang mewakili kumpulan negara Afrika pada akhir persidangan itu bahawa Afrika datang ke Kuala Lumpur sememangnya mengharapkan suatu dunia yang tanpa sempadan antara negara sesama Islam.

"Dengan kesedaran bahawa negara yang datang mempunyai tahapnya yang berbeza-beza, tetapi kita mempunyai satu kesamaan, iaitu di bawah panji-panji yang sama, iaitu Islam," katanya.

Menurutnya, Dr Mahathir menentukan rentak persidangan dan dari situ perwakilan mengambil ingatan bahawa di sebalik konflik politik, perbezaan warna kulit dan taraf hidup, dunia Islam sebenarnya mempunyai kekuatan, iaitu tradisi ilmu yang jika digembleng, boleh menghadapi apa saja yang ditawarkan oleh globalisasi dan liberalisasi.

Persidangan itu yang dipengerusikan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, turut menekankan semangat kesepaduan itu ketika mencari pemuafakatan dalam isu pelantikan Setiausaha Agung ICFM bagi menggantikan Dr Azzedine Laraki. Mesyuarat akhirnya bersetuju dengan pelantikan Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi walaupun ini bermakna calon Arab juga akan mengambil kerusi Laraki, yang juga dari Maghribi.

Jika kesepakatan itu dipanjangkan dalam hal ehwal politik dan ekonomi, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mempunyai lebih peluang untuk menjadi organisasi yang disegani, setaraf dengan G-7, dan bukannya sekadar menjadi bahan sindiran 'Oooo, I See'.

Resolusi yang disahkan di Kuala Lumpur petang semalam akan menjadi titik permulaan ke arah negara Islam yang lebih bersepadu. Apabila ia dibentangkan di Sidang Kemuncak OIC di Doha, September depan, sekurang-kurangnya di dalamnya sudah ada titik persamaan yang besar, iaitu negara anggota mempunyai lebih kesedaran mengenai cabaran globalisasi yang akan mendatang.

Antara lain, Menteri Luar OIC bersepakat di Kuala Lumpur bahawa suatu langkah berkesan dirangka untuk mengelakkan kesan negatif aturan ekonomi dunia terhadap negara anggota untuk menjamin hak perkongsian mereka ke atas manfaat globalisasi. Ke arah itu, persidangan menegaskan perlunya dipercepatkan usaha yang praktikal untuk meningkatkan kerjasama sama ekonomi negara anggota, terutama dalam perdagangan, pelaburan, pasaran saham dan teknologi supaya wawasan pasaran bersama Islam, dapat menjadi kenyataan.

Berhubung cabaran teknologi maklumat dan komunikasi, persidangan itu menerima cadangan Senegal yang mahu diwujudkan satu Jawatankuasa Bertindak Islam Bagi Kebudayaan dan Maklumat. Antara syor pentingnya ialah mendesak negara Islam menyokong saluran satelit Islam menerusi pertukaran program, kepakaran dan teknologi.

Untuk menangani cabaran Internet, OIC sendiri mengorak langkah ke dunia siber menerusi pembentukan laman webnya di alamat <http://www.OIC-ICO.org/>. Menerusi laman web berkenaan, Menteri Luar OIC berharap pelbagai organisasi sokongan pertubuhan itu akan menyumbangkan maklumat yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan kerjasama negara anggota.

(END)